



KENYATAAN MEDIA

Pejabat Ketua Setiausaha Negara
Ara 4, Blok Timur, Bangunan Perdana Putra
Kompleks A, Jabatan Perdana Menteri
62502 Putrajaya

KEPRIHATINAN KERAJAAN PERPADUAN KEPADA KESEJAHTERAAN DAN KEBAJIKAN PENJAWAT AWAM

YAB Perdana Menteri telah mempengerusikan Mesyuarat Jawatankuasa Kabinet Pembaharuan Perkhidmatan Awam (JKK-PA) Bilangan 2 Tahun 2023 pada hari ini bagi membincangkan perkara-perkara yang melibatkan perkhidmatan awam berkaitan penambahbaikan dan kebajikan anggota penjawat awam terutamanya status kajian Skim Saraan Perkhidmatan Awam.

Kali terakhir semakan Skim Saraan Perkhidmatan Awam dilaksanakan pada tahun 2001 dan penambahbaikan gaji tidak dibuat sejak tahun 2013. YAB Perdana Menteri semasa di Perhimpunan Hari Pekerja Tahun 2023 pada 1 Mei 2023 telah mengumumkan untuk membuat semakan semula Skim Saraan Perkhidmatan Awam.

Ini menunjukkan bahawa Kerajaan Perpaduan di bawah kepimpinan YAB Perdana Menteri sentiasa memberi perhatian kepada kebajikan penjawat awam yang merupakan tulang belakang kepada Negara.

Kajian Skim Saraan Perkhidmatan Awam ini akan melihat secara keseluruhan aspek perkhidmatan penjawat awam meliputi aspek saraan, pembangunan organisasi dan pengurusan bakat untuk memastikan kebajikan dan kesejahteraan penjawat awam.

Untuk permulaan, kajian ini akan memberi penekanan kepada kemampuan saraan penjawat awam bagi memastikan upah, gaji dan elaun adalah setimpal dengan tanggungjawab serta seiring dengan peningkatan kos sara hidup. Sementara kajian ini diteliti, Kerajaan komited untuk membuat penambahbaikan termasuk elemen kemudahan elaun untuk dijadikan

sebahagian daripada pembentangan Belanjawan MADANI yang akan dibentangkan pada bulan Oktober 2023.

Selain itu, Mesyuarat juga telah bersetuju dengan cadangan pemanjangan Bantuan Sara Hidup (BSH) sebanyak RM300 sebulan bagi Veteran Tidak Berpencen pada usia 60 tahun berbanding sebelum ini hanya dinikmati pada usia 80 tahun. Pemanjangan BSH ini akan berkuat kuasa pada bulan September 2023 dan akan memberi faedah kepada seramai 41,970 Veteran Tidak Berpencen dengan implikasi kewangan tambahan sebanyak RM151.1 juta setahun.

Selain daripada insentif yang berbentuk kewangan, kebajikan veteran ATM juga dititik beratkan oleh Kerajaan untuk diberi keutamaan jawatan lantikan kontrak dalam perkhidmatan awam bersesuaian dengan pengalaman dan kemahiran mereka semasa dalam perkhidmatan ATM.

Pemanjangan BSH kepada Veteran Tidak Berpencen pada usia 60 tahun ini adalah kesinambungan keprihatinan Kerajaan kepada penjawat awam. Kerajaan sebelum ini telah mengumumkan Bantuan Khas Penghargaan sebanyak RM300 kepada penjawat awam dan RM200 kepada pesara Kerajaan semasa pembentangan Ekonomi MADANI yang akan dibayar pada 10 Ogos 2023. Selain itu, untuk tahun 2023, penjawat awam juga telah menikmati KGT (Kenaikan Gaji Tahunan) tambahan khas sebanyak RM100 sejak Januari 2023 serta Bantuan Khas Kewangan Aidilfitri sebanyak RM700 dan Bantuan Khas Kewangan Tahun 2023 sebanyak RM700 pada awal tahun 2023.

Sebagai bukti bahawa penjawat awam juga sentiasa berpegang kepada lafaz Ikrar Perkhidmatan Awam, maka saya dan penjawat awam akan terus komited dalam memastikan setiap dasar dan inisiatif Kerajaan disegerakan serta dilaksanakan dengan jayanya.

TAN SRI DATO' SERI MOHD ZUKI BIN ALI
Ketua Setiausaha Negara
7 Ogos 2023